

Bantuan 1Azam ubah hidup keluarga ibu tunggal

➔ Raih RM2,000 sebulan hasil perniagaan kuih tradisional dalam talian ringan beban sara enam anak

Oleh Noor Azurin Mohd Sharif
bhnews@bh.com.my

Ayer Keroh

Kecekalan seorang ibu tunggal mempelbagaikan sumber pendapatannya demi membesarkan enam anak perempuannya boleh dijadikan sumber inspirasi masyarakat.

Sejak kematian suami empat tahun lalu, Faridah Abas, 45, bertekad untuk menjalankan perniagaan menjual kuih tradisional dalam talian sebagai sumber pendapatan utamanya. Selain me-

ngambil upah sebagai pengasuh.

Malah, katanya impak bantuan program 1Azam Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) yang turut diterimanya awal tahun ini meluaskan rezekinya dalam per-



Faridah dan lima anaknya menunjukkan produk yang dihasilkan dan bantuan peti sejuk yang diterima menerusi bantuan program 1Azam Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.



NEGARAKU

niagaan kuih secara online.

Terima bantuan peti sejuk

“Saya terkejut apabila dimaklumkan menjadi antara penerima bantuan berupa peralatan membuat kuih dan peti sejuk kerana me-

nyangka permohonan saya tiga tahun lalu ditolak.

“Alhamdulillah, selain menjual kuih talam dan koci setiap hari, sempena hari raya ini saya dapat menjual kuih kapit kerana adanya mesin terbaru,” katanya yang kini memperoleh pendapatan bersih RM2,000 sebulan.

Faridah mengakui bebanannya kian berkurang hasil pendapatan yang semakin meningkat sekali gus dapat menampung persekolahan anaknya yang berusia antara enam tahun hingga 23 tahun.

“Saya amat bersyukur kerana pendapatan menjual kuih serta tempahan untuk kuih kapit untuk

hari raya, dapatlah menampung keperluan kami anak-beranak.

“Ini termasuk kelengkapan anak kedua, Ainin Marina Arisham, 22, juga orang kurang upaya (OKU), yang menggunakan lampin pakai buang,” katanya.

Katanya, beliau berharap perniagaan kecil-kecilan yang diusahakan itu berkembang maju, bagi membolehkannya menampung perbelanjaan anak yang kebanyakannya sudah memasuki institusi pengajian tinggi (IPT).

“Saya bertekad untuk membuktikan golongan ibu tunggal boleh berdikari dan mengubah hidup dengan bantuan 1Azam,” katanya.